# Utusan Malaysia - Unjuran KDNK Tidak Disemak

Selasa, Ogs 22 2017

## Unjuran KDNK tidak disemak

Utusan 22/8

**KUALA LUMPUR 21 Ogos** - Kerajaan belum bercadang untuk menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tahun ini iaitu sebanyak 4.3 hingga 4.8 peratus, biarpun negara merekodkan pertumbuhan memberangsangkan bagi suku pertama 2017.



JOHARI ABDUL GHANI

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, beliau bagaimanapun yakin Malaysia dapat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi bagi separuh kedua 2017 sekali gus melepasi sasaran ditetapkan dengan mengambil kira tiada sebarang ketidaktentuan ekonomi global akan berlaku sehingga hujung tahun ini.

Beliau berkata, pertumbuhan KDNK pada separuh pertama 2017 telah dipacu oleh penggunaan dan pelaburan swasta terutamanya dari segi permintaan manakala pada bahagian pembekalan pula didorong oleh sektor perkhidmatan, pembinaan dan pengeluaran.

"Jika tiada sebarang halangan atau perkara-perkara yang menggugat kestabilan ekonomi global terutamanya, saya yakin kadar pertumbuhan KDNK negara akan lebih baik daripada sasaran, tetapi kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula angka tersebut," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama pada Sidang Kemuncak Pengarah Antarabangsa (IDS) 2017 di sini hari ini.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada 5.8 peratus bagi suku kedua 2017 dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Muhammad Ibrahim sebelum ini berkata, pertumbuhan dalam sektor luaran terus disokong oleh pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan yang kukuh pada 9.6 peratus berikutan permintaan tinggi bagi produk perkilangan dan komoditi.

Muhammad dalam pembentangan prestasi ekonomi suku kedua 2017 Jumaat lalu turut menjangkakan kerajaan menyemak semula unjuran KDNK dan sasaran baharu akan diumumkan pada pembentangan Bajet 2018, Oktober ini dan BNM akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dalam perkara berkenaan.




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216